

03/11/2003

Ramai sokong KLIA dinamakan sempena Dr M

KUALA LUMPUR: Cadangan menamakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Tun Dr Mahathir sebagai penghormatan kepada bekas Perdana Menteri mendapat sokongan pelbagai pihak.

Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman berkata, cadangan itu adalah cara terbaik bagi membalas dan mengenang jasa Dr Mahathir yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Dr Shamsul berkata, kerajaan harus mengambil kesempatan ini untuk menamakan lapangan terbang antarabangsa sempena nama bekas Perdana Menteri

kerana sebelum ini Dr Mahathir tidak memberi kebenaran untuk menamakan mana-mana projek atau tempat atas namanya sendiri.

"Saya bagi pihak Pemuda Umno menyokong cadangan ini sepenuhnya kerana saya rasa ini adalah satu cara rakyat Malaysia dapat menunjukkan penghargaan kepada Dr Mahathir untuk selamanya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, menamakan KLIA atas nama bekas Perdana Menteri itu akan menjadi mercu tanda kepada negara terutama dikalangan pelancong asing yang lebih mengenali Malaysia menerusi nama Dr Mahathir.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) cawangan Selangor, Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh berkata, cadangan itu baik, bagaimanapun terpulang kepada budi bicara Perdana Menteri dan Kabinet untuk meluluskannya.

Anak sulung bekas Perdana Menteri, Datuk Paduka Marina Mahathir pula tidak menyangka ada pihak yang mengeluarkan cadangan sedemikian bagi menghormati dan menyanjungi kepimpinan ayahnya. Beliau menghargai Fomca kerana membuat cadangan itu.

Semalam, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mencadangkan pertukaran nama itu bagi menghargai dan menghormati kepimpinan Dr Mahathir yang berjaya menaikkan nama Malaysia sehingga dikenali dan dicontohi negara lain.